

Jenayah pelajar membimbangkan: Musa

KUALA LUMPUR

Penglibatan golongan remaja dalam kegiatan jenayah kini semakin membimbangkan sekali gus memerlukan satu penyelesaian khusus untuk membendungnya, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.



MUSA HASSAN

Menurutnya, apa yang lebih membimbangkan kebanyakan remaja terbabit masih lagi bersekolah, malah ada yang masih di bangku sekolah rendah.

"Seperti sudah menjadi trend sekarang, budak-budak sekolah semakin berani terlibat dalam kegiatan jenayah, malah ada yang baru berusia 10 tahun, sudah pandai terlibat kegiatan menonton video lucah.

"Tindakan sewajarnya perlu diambil terutama daripada golongan ibu bapa dan keluarga yang perlu mengambil tahu kegiatan anak di luar rumah terutama selepas waktu

sekolah, jika sebaliknya saya tidak tahu apa yang akan berlaku kepada masyarakat kita kelak," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis perasmian Mesyuarat Agung Yayasan Pencegahan Jenayah (MCPF) di Mes Pegawai Kanan, Bukit Aman di sini, semalam.

Kelmarin, polis menahan seorang pelajar perempuan berusia 16 tahun dipercayai menghantar SMS berbau perkauman berhubung satu kes pulk di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan Nanas, Pontian, Isnin lalu.

Pelajar terbabit yang menuntut di sekolah berlainan di pekan itu ditahan ketika menyerah diri sambil diiringi bapanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pontian.

Selasa lalu, seorang lelaki berusia 47 tahun membuat laporan di Balai

Polis Pekan Nanas selepas menerima SMS berbau perkauman tersebut sehari sebelum itu.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Musa berkata, polis menyokong penuh setiap aktiviti yang dilakukan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha membantu pasukan keselamatan terbabit mencegah kegiatan jenayah.

"Selain itu, kita berharap ahli MCPF di setiap daerah memberi sokongan dan kerjasama dengan polis dalam usaha menjayakan program 'Community Policing'.

Sementara itu, Pengerusi MCPF, Datuk Seri Mohd Shafie Afdal berkata, dengan adanya MCPF yang membantu polis menyebarkan maklumat tentang sesuatu kegiatan jenayah, mampu mengekang kegiatan terbabit daripada berleluasa.

"Oleh itu, kerjasama antara masyarakat dengan polis amat penting, jangan hanya bergantung sepenuhnya kepada polis.